

0091

R B236 BAH

MAHATHIR - MTUC

JOHOR BAHRU, 25 OGOS (BERNAMA) -- KONGRES KESATUAN SEKERJA MALAYSIA (MTUC) KESAL KERANA TIDAK DAPAT MENEMUI PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD UNTUK BERBINCANG MENGENAI MASALAH KAUM BURUH DI NEGARA INI.

TIMBALAN PRESIDEN MTUC, ENCIK ZAINAL RAMPAK MENDAKWA PIHAKNYA BELUM PERNAH MENGADAKAN PERBINCANGAN DARI HATI KE HATI DENGAN DATUK SERI DR. MAHATHIR SEJAK BELIAU MENJADI PERDANA MENTERI ENAM TAHUN LALU KERANA SETIAP PERMOHONAN UNTUK MENEMUINYA TELAH DITOLAK.

MENURUT BELIAU, SURAT-SURAT BERDAFTAR YANG DIHANTAR OLEH MTUC UNTUK MEMBUAT TEMU-JANJI JUGA TIDAK DIBALAS.

KETIKA MERASMIKAN PENUTUPAN KURSUS KEPIMPINAN SELAMA TIGA HARI DI SINI PETANG SEMALAM, ENCIK ZAINAL BERKATA, KESATUANNYA BIMBANG DENGAN SIKAP DR. MAHATHIR YANG SEOLAH-OLAH TIDAK MEMENTINGKAN PERGERAKAN BURUH DI NEGARA INI.

MENURUT BELIAU, PARA PEMIMPIN BARAT SEPERTI PRESIDEN RONALD REAGAN DARI AMERIKA SYARIKAT SERING BERBINCANG DENGAN PARA PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA MENGENAI MASALAH INFLASI, MENINGKATKAN PRODUKTIVITI DAN ISU-ISU SEMASA. -- LAGI

1210MST 25 08 85

0093

R B237 BAH

MAHATHIR - MTUC 2 JOHOR BAHRU

BELIAU BERKATA, MTUC, YANG MEMPUNYAI 350,000 ORANG ANGGOTA, MERUPAKAN SEBUAH KESATUAN YANG KUAT DAN BERPENGARUH, DAN MENJELASKAN BAHAWA SIKAP +ANAK TIRI+ YANG DITUNJUKKAN OLEH DATUK SERI DR. MAHATHIR ITU ADALAH TIDAK WAJAR.

ENCIK ZAINAL MENJELASKAN BAHAWA TUJUAN KESATUAN SEKERJA INGIN MENEMUI DATUK SERI DR. MAHATHIR BUKAN SEMATA-MATA MAHU MENUNTUT KENAIKAN GAJI KAUM PEKERJA TETAPI JUGA MEMBINCANGKAN ISU-ISU SEMASA, PANDANGAN DAN PENDAPAT PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA MENGENAI KEMELESETAN EKONOMI DAN CARA-CARA MENGATASINYA.

BELIAU BERPENDAPAT, KERAJAAN HARUS MENGADAKAN PERBINCANGAN DAN DIALOG DENGAN PARA PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA SEKURANG-KURANGNYA ENAM BULAN SEKALI.

-- BERNAMA

1214MST 25 08 85